

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/4/2013

Ketua Pembangkang sudah tidak punyai modal politik

'Hidup, mati bukan kuasa Anwar'

UM-29/4/2013

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN dan SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 28 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad menempelak Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sudah tidak mempunyai modal politik sehingga mahu beliau mati cepat.

Dalam nada nada sinis, bekas Perdana Menteri berkata, urusan hidup atau mati bukan milik Anwar tetapi kuasa tuhan untuk menentukannya.

"Baru-baru ini dalam ceramah-nya, Anwar sudah tiada modal, dia minta saya mati cepat tetapi itu bukan kuasa dia tetapi kuasa tuhan.

"(Tetapi) tak apalah, sudah niat buruk dia nak buat macam mana, yang tentukan bukan Anwar, dia (juga) boleh pergi ke mahkamah barangkali untuk minta saya mati cepat," katanya ketika berucap di ha-

dapan lebih 7,500 hadirin dalam ceramah umum di Taman Metropolitan Presint 9 di sini semalam.

Hadir sama calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan penceramah yang dijemput khas dari Kelantan, Rujhan Abd. Rahman.

Anwar baru-baru ini dalam satu ceramah di Segamat meminta supaya Dr. Mahathir cepat mati dengan berkata:

"Sudah mau mati, dah 83 tahun. Berapa la lama lagi? Kalau dah nak mati, mati sajalah," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut tidak dapat membayangkan apa akan terjadi kepada negara sekiranya bekas timbalannya itu dilantik menjadi Perdana Menteri selepasnya.



ANWAR IBRAHIM

Jelasnya, Anwar dipecat bukan kerana beliau takut dicabar jawatan Perdana Menteri atau Presiden UMNO tetapi kerana perangai tidak senonoh Penasihat PKR itu.

"Kita dapati selain niat hendak jadi Perdana Menteri dia juga ada niat lain yang kita tidak boleh terima, niat kotor dan busuk orang ma-

cam ini tidak boleh jadi Perdana Menteri sebab bilik Perdana Menteri besar, ada pegawai masuk, kadang-kadang ada pegawai muda jadi saya takut, (sedangkan) pemandu dia pun tidak selamat.

"Kalau dia jadi Perdana Menteri tidak tahulah apa jadi, habis rosak sebab itu saya tanya kawan-kawan dalam UMNO macam mana orang ini, mereka kata buang, sebab itu saya buang.

"Itulah sebabnya saya buang, bukannya tunggu bersara atau mati atau sakit teruk, bukan ketana itu. Sebab dia buat kerja kotor kita tak boleh terima manusia macam ini," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahahtir turut meminta pembangkang supaya melupakan hasrat untuk merampas Putrajaya dari tangan BN.

Katanya, pembangkang perlu menilai pembangunan di negeri-negeri yang diperintah mereka yang mundur dan tidak membangun sebelum mahu merampas Putrajaya yang serba-serbi lengkap.

"Ini di Kelantan pun kucar-kacir... di Kedah kita bagi lima tahun tak ada apa-apa, cakap adalah tapi tak buat apa-apa lepas itu berkelahi sesama sendiri. Berebut nak jadi Menteri Besar.

"Hari ini besar niat nak ke Putrajaya nak jaga Pusat, apakah sumbangan Husam, Nik Aziz dan Pas kepada Putrajaya? Orang buat elok-elok

baru dia nak curi," katanya.

Dalam nada sinis juga, Dr. Mahathir meminta calon Pas yang 'di-import' dari Kelantan untuk bertanding di Parlimen Putrajaya, Datuk Husam Musa supaya belajar terlebih dahulu sebelum mahu menawan Putrajaya.

"Kita nak orang macam ini dah berjaya di Kelantan baru minta izin pada kita supaya boleh dapat kerja di Putrajaya. Nak jual goreng pisang pun kita benarkan, itu latihan terbaik untuk dia jadi Perdana Menteri kerana saya juga pernah jual goreng pisang di Pekan Rabu, Kedah, dan tak sangka jadi Perdana Menteri.

"Nak bagi kualiti dengan minyak sawit dengan api untuk goreng pisang pun boleh, dah 10-15 tahun dah pandai baru boleh jadi Perdana Menteri sebelum tu duduk diam-diamlah di Kelantan tu, betulkan dulu tempat kamu baru tiru macam Presint-Presint di Putrajaya," katanya.